

EDISI 4 : OKT-DIS 2023

#KetepatanDataAspirasiKita



Digital  
technology  
integration

DIGITAL  
TRANSFORMATION

## VIDEO TUTORIAL HRMIS

### Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian

JPA telah menerbitkan video tutorial Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian bagi peranan Pemilik Kompetensi (CO), Pelulus dan Pentadbir Tuntutan Insurans. Penerangan ringkas berserta video dan gambar memudahkan pengguna memahami fungsi ini dengan lebih baik. Semua video tutorial boleh dicapai di saluran *YouTube Change Management HRMIS JPA*

### Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian

- Pemilik Kompetensi (CO)



## EDISI KALI INI

- Video Tutorial HRMIS : Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian
- HRM Baharu : Mesyuarat Kerja Integrasi Sistem Antara Agensi Luar
- Pelaksanaan Program SHARE HRMIS Tahun 2023
- Penambahbaikan HRMIS :
  - Penambahbaikan MyPerformance
  - Penutupan Menu HRMIS 2.0
- Pameran HRMIS Bersama Agensi

### Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian :

- Pelulus
- Pentadbir Tuntutan Insurans



## HRM Baharu : Mesyuarat Kerja Integrasi Sistem Antara Agensi Luar

**Tarikh:** 10 Oktober 2023 (Selasa)  
**Masa:** 8.00 pagi hingga 5.30 petang  
**Tempat:** Hotel Dorsett, Putrajaya  
**Perasmian Oleh:** YBrs. Puan Juraimi binti Ghazali  
 Timbalan Pengarah  
 Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat

Satu Mesyuarat Kerja Integrasi Sistem Antara Agensi Luar bagi Pembangunan Sistem HRM Baharu telah dijalankan di Hotel Dorsett, Putrajaya. Objektif mesyuarat kerja tersebut dianjurkan adalah seperti berikut:

- Membentangkan Projek Pembangunan, Pemantapan, Pengukuhan Dan Peluasan Bagi Sistem Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam (HRM) Baharu kepada agensi;
- Membentangkan maklumat berkaitan integrasi yang akan terlibat dalam pembangunan HRM Baharu;
- Membincangkan skop dan penglibatan agensi dalam pelaksanaan integrasi;
- Memastikan integrasi yang akan dilaksanakan memenuhi keperluan antara sistem HRM Baharu dan agensi.



## Pelaksanaan Program SHARE HRMIS Tahun 2023

Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), JPA telah melaksanakan Program SHARE HRMIS Tahun 2023 bagi memberi latihan dan pendedahan kepada pentadbir HRMIS agensi serta pemilik kompetensi bagi meningkatkan lagi tahap pemahaman berkaitan Sistem HRMIS. Sebanyak 10 siri latihan HRMIS secara bersemuka dan 18 siri secara dalam talian telah dijalankan pada tahun 2023 melibatkan jumlah peserta secara keseluruhan seramai 14,054.



# Penambahbaikan HRMIS

## Penambahbaikan MyPerformance

### Set Semula Status Sub Modul

- Peranan: Pegawai mempunyai peranan urus setia PPSM [660] dan ahli kumpulan panel PPSM Agensi.
- Pautan fungsi: MyPerformance > Dashboard PENTADBIR > Pemantauan Sub Modul > Set Semula Status Sub Modul (Agensi).



### Tatacara Set Semula Status SKU

- MyPerformance > Dashboard PENTADBIR > Pemantauan Sub Modul > Klik pada pautan Set Semula Status Sub Modul (Agensi).
- Membuat carian menerusi No. Kad Pengenalan pegawai.
- Klik pada pautan sub modul Sasaran Kerja Utama (Pautan SKU diaktifkan sekiranya terdapat rekod SKU).

(a)



(b)



(c)




- Lengkapkan maklumat justifikasi (terhad 300 aksara) dan klik pada butang set semula.
- Paparan selepas operasi set semula SKU :
  - Status SKU berstatus Belum Selesai;
  - Status sub SKU berstatus Deraf;
  - Jumlah Keseluruhan dan Jumlah Pengesahan PP di set semula;
  - Terdapat tarikh rekod pegawai telah di set semula; dan
  - Butang set semula tidak dipaparkan.

(d)



(e)




# Penambahbaikan HRMIS

## Penutupan Menu HRMIS 2.0 Tahun 2023

Menu Pentadbir bagi fungsi 'CARIAN PEMILIK KOMPETENSI UNTUK PERISYTIHARAN HARTA' telah DITUTUP selaras dengan ketetapan pada Ceraian UP.7.2.6 – Pemilikan Dan Perisytiharan Harta Oleh Pegawai Awam.

Pasukan Promosi HRMIS JPA telah membuat hebahan penambahbaikan HRMIS melalui e-mail kepada semua duta HRMIS untuk dipanjangkan ke agensi di bawah seliaan masing-masing.



## Pameran HRMIS Bersama Agensi

Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), JPA telah melaksanakan aktiviti promosi dan hebahan menerusi platform Pameran HRMIS di agensi-agensi yang melaksanakan program seperti Hari Terbuka HRMIS, Sambutan Bulan HRMIS, Pameran HRMIS agensi dan lain-lain. Tujuan pembukaan reruai (booth) adalah untuk mempromosi dan menyelesaikan masalah yang dihadapi berkaitan sistem HRMIS dengan bantuan Pasukan Meja Bantuan (Helpdesk) JPA.

Satu pameran HRMIS telah diadakan Sempena Hari "ICT OPEN DAY" anjuran Kementerian Sumber Manusia pada 31 Oktober 2023.



**"ICT OPEN DAY"**  
**Kementerian Sumber Manusia**  
**31 Oktober 2023**



Change Management HRMIS JPA

hrmis2call

Pasukan Promosi HRMIS JPA

Change Management HRMIS JPA

<https://spmb.jpa.gov.my>